

Calon BN guna kempen untuk erat persaudaraan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Calon MCA yang akan bertanding atas tiket Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil kawasan Seremban, Puan Rosie Teh Lee Beng, 39, mengambil peluang kempen dari rumah ke rumah untuk membarui tali persaudaraan yang telah lama wujud.

Menurutnya, peluang untuk mengenali dan mendekati kenalan yang jauh dengan lebih dekat lagi tidak akan diabaikan.

Katanya, kenalan hasil pendedahan yang diperolehi semasa menjadi ahli Majlis Perbandaran Seremban dapat diarakat dan diamalkan untuk menggerakkan kekukuhannya.

Puan Rosie, seorang bekas guru mula berkempen selepas majlis penamaan calon secara rasmi di Seremban semalam. Beliau akan menentang calon DAP, Dr Chen Man Hin, 59, dalam pertandingan satu lawan satu.

Tarikh membuang undi telah ditetapkan pada 19 November ini.

Pilihanraya kecil itu diffdakan berikutan perletakan jawatan bekas Presiden MCA yang juga bekas Menteri Pengangkutan, Datuk Lee San Choon, pada 18 Oktober tahun ini.

Datuk Lee memenangi undi majoriti sebanyak 845 dari Pengerusi Kebangsaan DAP, Dr Chen Man Hin, di pilihanraya umum pada tahun 1982.

Kawasan pilihanraya itu mempunyai pengundi seramai 60,899. Pengundi Cina seramai 37,704 orang, Melayu — 13,421, India — 9,453 dan lain-lain 321 orang.

Puan Rosie ketika dihubungi di rumahnya memberitahu, jadual kempen semasa dua minggu itu adalah 'ketat'.

"Saya terpaksa melawat beberapa banyak kawasan yang boleh sebelum hari pengundi," jelas beliau.

Bagaimanapun, beliau onggan mengulas berapakah jumlah kempen ceramah yang diadakan dalam sehari.

Puan Rosie memulakan kempenya di Pedas, sekitar Hotel Ria dan kawasan Majlis Perbandaran Seremban semalam.

"Saya terpaksa keluar rumah sejak jam 7 pagi ke kawasan pasar, melawat teman-teman yang beragama Hindu untuk mengucapkan selamat Deepavali sebelum melawat pekan baru Rasah hari ini," katanya.

Kira-kira 100,000 poster dan 30,000 sepanduk telah dan akan ditampal di se-



CALON DAP dalam pilihanraya kecil Seremban, Dr Chen Man Hin (kiri) dan Setiausaha Agungnya, Encik Lim Kit Siang, diulang oleh pengikutnya yang selepas penamaan calon di Dewan Bandar Seremban, kelmarin.

kitar bandar itu, sementara DAP akan menampal kira-kira 20,000 poster dan 10,000 sepanduk sahaja.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita MCA, Datin Paduka Rossemay Chong, berkata, jentera Pergerakan Wanita MCA mula bergerak mengadakan kempen rumah ke rumah mulai semalam.

Tambahnya, kira-kira 200 ahli pergerakan akan bergilir-gilir setiap hari mengadakan gerakan untuk memastikan kemenangan itu.

Dengan adanya seorang lagi ahli parlimen wanita, katanya, lebih banyak usaha pembangunan bagi kaum wanita akan dapat diperjuangkan.

Beliau juga mengesahkan kaum wanita di Seremban memberi sokongan penuh dan mengundi calon wanita mereka dalam pilihanraya yang akan diadakan tidak lama lagi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia